

▼06/09/16-40MST

U GB 06-09 00148 BA729

aab

MAHATHIR: ANGGOTA-ANGGOTA NAM PERLU LEBIH KERAP BERJUMPA

Mahathir - Pemimpin

JAKARTA, 6 sept.(Bernama) -- Para pemimpin negara Pergerakan Berkecuali (NAM) harus mengadakan pertemuan lebih kerap bagimemastikan resolusi-resolusi pada sidang-sidang kemuncaknya dilaksanakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kitatidak boleh 'menunggu tiga tahun sekali (Sidang Kemuncak) 'sebelum ketua-ketua kerajaan mengadakan perjumpaan bagi melihat samaada tindakan susulan telah dibuat,+ kata Perdana Menteri pada persidangan, akhbar di akhir Sidang Kemuncak NAM di sini.

Katanya, beliau telah mencadangkan kepada beberapa orang pemimpin NAM kemungkinan dibentuk sebuah badan penyelarasan yang dapat mengatur per jumpaan lebih kerap di peringkat ketua kerajaan.

Beliauberkata, NAM boleh membahagi-bahagikan 108 anggota kepada beberapa wilayah dan memilih wakil-wakil untuk bermesyuarat dnri masa ke semasa sepertimana dilakukan oleh Bank Dunia.

NAM dibentuk 31 tahun dulu menggabungkan anggota-anggota dari Asia, Afrika, Amerika Latin dan Eropah. -- Lagi

▼06/09/15-51MST

CNS7547

U GB 06-09 00158 BA730

aab

Mahathir -- Pemimpin 2 (Akhir) Jakarta

Katanya, walaupun para menteri luar NAM mengadakan pertemuan dalam tempoh tiga tahun setiap sidang kemuncak, inididak mencukupi sebagai susulan-susulan untuk melaksanakan program-program NAM.

Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri Zimbabwe Robert Mugabe serta beberapa orang pemimpin lain yang mengadakan perbincangan dua hala dengan beliau, tertarik dengan cadangan untuk mengadakan mekanisme pertemuan peringkat tinggi NAM.

Katanya, persidangan NAM kali inidisusun dengan tertib dan memberikan peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat mereka.

Pergerakan itujuga terbukti masih relevan dalam era selepas perang dingin kerana semakin banyak negara menganggo tainya termasuk sebagai pemerhati dan tamu, manakalabanyak lagi yang berminat, katanya.

+Soalnyaapa yang akan terjadi selepas persidangan ini, kalau tidak ada tindakan susulan yang mencukupi,+ ujarnya .

Beliau juga berkata, Kumpulan 15 yang dibentuk hasil Sidang Kemuncak NAM ke-9 di Bel grade pada tahun 1989, masih mempunyai peranan untuk membantu negara-negara membangun. -- Bernama